



buletin Selayangku Sayang

DITERBITKAN OLEH
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
NASKAH PERCUMA

WWW.MPS.GOV.MY

EDISI
SEP - DIS 2021

03/21



03

Persidangan Perniagaan
Antarabangsa Selangor 2021
(SIBS)



12

Majlis Sambutan Hari
Inovasi dan Integriti
MPS 2021



18

MPS Sertai Bantuan
Banjir Selangor



@mpselayang



@mpselayang



@mpselayang

DARI MEJA YDP

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT
YBrs. Tuan Mohd Yazid B. Sairi
ydp@mps.gov.my

YBrs. Tuan Ir. Haji Cheremi B. Haji Tarman
tydp@mps.gov.my

KETUA PENGARANG
En. Mohamad Zin B. Masoad
mzin.masoad@mps.gov.my

PENOLONG KETUA PENGARANG
En. Ahmad Fauzi B. Ishak
ahmadfauzi.ishak@mps.gov.my

PENGARANG
Cik. Norillyana Bt. Roslan
Norillyana.roslan@mps.gov.my
Pn. Norhatikah Nabila Bt. Masri
norhatikahnabila.masri@mps.gov.my
Pn. Norhasliza Bt. Hassan
norhasliza.hassan@mps.gov.my

PEREKA LETAK
En. Mohd Afzairis B. Naseri
mafzairis.naseri@mps.gov.my
En. Muhamad Amirul Hafiz B. Mohamed Jazman
mamirulhafiz.mjazman@mps.gov.my

JURUFOTO
Pn. Anissapinah Bt. Mohd Dan
anissapinah.mohddan@mps.gov.my
En. Mohamad Khairun B. Roslan
mkhairun.roslan@mps.gov.my

DITERBITKAN OLEH
Jabatan Korporat
Majlis Perbandaran Selayang

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah dari penerbitan ini. Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

Jabatan Korporat
Majlis Perbandaran Selayang
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

No. Tel: 03 6126 5800 Fax: 03 6138 2728
E-mel: aduanmps@mps.gov.my
Tollfree: 1800-222-677

Assalamualaikum w.b.t, dan Selamat Sejahtera,

Alhamdulillah, dipanjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya terhasilah buletin Selayangku Sayang Bil.3/2021 untuk tatapan kita sekali lagi.

Syukur Alhamdullilah, kita dapat juga menghabiskan tahun 2021 ini dengan jayanya meskipun tahun ini merupakan tahun yang amat mencabar buat kita semua dalam mengharungi penularan pandemik Covid-19. Sepanjang tahun ini, MPS telah berjaya mengharungi cabaran di era pandemik Covid-19 dan berjaya mencapai kejayaan-kejayaan di peringkat kerajaan tempatan, negeri dan sebagainya.

Menyentuh mengenai pencapaian-pencapaian MPS sepanjang tahun 2021, bagi saya MPS telah mencapai prestasi yang membanggakan. Antaranya ialah pasukan SMART SCAPE daripada Jabatan Landskap telah berjaya merangkul tempat kedua dalam pertandingan Anugerah Inovasi Negeri Selangor melalui ciptaan *My Auger All In One* dan turut menerima Anugerah Bandar Mampan Tahun 2021 kategori Perbandaran di tempat ketiga dalam pertandingan yang melibatkan seluruh 149 Pihak Berkusa Tempatan (PBT) dalam negara.

Selain itu, MPS turut meraih Anugerah *Gold Award* dalam audit oleh *Malaysian Society of Occupational Safety and Health Award 2021* dan memenangi kategori *Diamond Award* untuk inisiatif di bawah Kementerian Air dan Sumber Asli bagi *Low Carbon City*. Baru-baru ini juga, MPS turut memenangi Pertandingan Piala Inovasi MALA 2020 (Piala Yang Berhormat Menteri KPKT) anjuran Persatuan Pihak Berkusa Tempatan (MALA) dengan menerima Geran KPKT RM25,000. Tahniah dan syabas saya ucapan kepada seluruh warga MPS. Semoga pencapaian-pencapaian ini dapat kitakekalkan dan tingkatkan pada tahun 2022 di mana MPS akan menyambut sambutan 25 Tahun Jubli Perak MPS pada tahun hadapan.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada warga MPS yang telah bersama-sama menyumbang kepada kecemerlangan yang telah dikecapai sepanjang tahun 2021 dan berharap agar kita semua dapat melipat gandakan usaha serta dapat memberikan komitmen yang berterusan demi menggalas tanggungjawab yang diamanahkan.

Sekian. Terima Kasih.



(YBRS. TUAN MOHD YAZID B. SAIRI)
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang

PERSIDANGAN PERNIAGAAN ANTARABANGSA SELANGOR 2021 (SIBS)

MPS telah menyertai Persidangan Perniagaan Antarabangsa Selangor 2021 (SIBS) yang telah berlangsung selama 4 hari bermula 18 hingga 21 November 2021. Persidangan anjuran Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Invest Selangor Berhad ini bertujuan untuk membuka peluang kepada pemain industri tempatan dan antarabangsa bersidang untuk meneroka potensi pasaran ASEAN.

YAM Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda Selangor telah berkenan merasmikan SIBS 2021 yang diadakan secara fizikal di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Gerai pameran MPS telah mempamerkan informasi-informasi berkaitan pembangunan dan kawasan industri yang ditawarkan serta industri pelancongan di kawasan pentadbiran

MPS. MPS juga turut menyertai pameran berkaitan inovasi dengan menampilkan projek *My Auger-All In One* oleh Kumpulan Smart Scape dari Jabatan Landskap.



Imbas kod QR ini untuk melihat lebih banyak gambar Persidangan SIBS 2021



INOVASI

ANUGERAH INOVASI SELANGOR 2021 KATEGORI SEKTOR AWAM (PBT) KUMPULAN SMART SCAPE RAIH NAIB JOHAN 1

KUMPULAN Smart Scape daripada Jabatan Landskap MPS telah meraih Naib Johan Anugerah Inovasi Selangor 2021 kategori Sektor Awam (PBT) menerusi penghasilan produk inovasi mereka iaitu 'My Auger - All in One'. Majlis penyampaian yang diadakan

di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), telah dihadiri oleh Tuan YDP bersama kumpulan Smart Scape. Kejayaan ini membolehkan MPS membawa pulang hadiah kemenangan berjumlah RM2,500 serta sijil yang telah disampaikan oleh YB

Dato' Teng Chang Kim, Pengurus Tetap Industri dan Perdagangan Negeri Selangor pada Majlis Penutup *Selangor R&D and Innovation Expo Selangor International Business Summit (SIBS) 2021*.



SIRIM MS ISO 9001:2008 DAN ISO/IEC 27001:2013 MPS LEPASI AUDIT PEMANTAUAN

AUDIT Pemantauan ISO 9001:2015 dan ISO/IEC 27001:2013 MPS telah diadakan pada 22 hingga 24 November 2021. Pengauditan ini telah dilaksanakan oleh 6 orang auditor daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Skop pengauditan tertumpu kepada penilaian dan pemantauan pelaksanaan bagi dua sistem pengurusan yang ada di MPS iaitu Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) dan juga Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (SPKM).

Mesyuarat pembukaan dan penutup audit telah dipengerusikan oleh Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS. Hasil pengauditan, MPS telah menerima maklumbalas yang baik daripada SIRIM ke atas sistem pengurusan yang telah dilaksanakan bersama beberapa cadangan penambahbaikan.



MPS JALANI SESI PENGAUDITAN OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH (MSOSH)

JAWATANKUASA Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan MPS (OSH MPS) telah menyertai sesi pengauditan bersama pasukan audit daripada *Malaysian Occupational Safety and Health (MSOSH)* pada 22 September 2021 secara dalam talian.

Sesi pengauditan ini bertujuan untuk menilai tahap pelaksanaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di MPS. Pasukan audit MSOSH telah diketuai oleh Encik Abdul Manaf bin Ahmad, .

MPS telah menerima ulasan dan maklumbalas yang baik oleh pasukan audit MSOSH dan mengambil maklum dan tindakan penambahbaikan terhadap teguran yang telah disampaikan.



MB SELANGOR TINJAU INSIDEN TANAH RUNTUH DI PANGSAPURI TERATAI BANDAR BARU SELAYANG

YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor telah turun padang pada 30 Disember 2021 di Pangsapuri Teratai, Bandar Baru Selayang bagi meninjau insiden tanah runtuhan di tebing berhampiran akibat hujan lebat. Berikutan bencana luar jangka ini, sebanyak 38 keluarga yang menghuni pangsapuri tersebut telah diarah

berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS) di sekitar kawasan Selayang. Susulan kejadian, MPS juga telah mengambil tindakan meletakkan kanvas di tebing itu bagi mengelakkan situasi tanah runtuhan bertambah buruk. Turut hadir bersama YB Tuan William Leong Jee Keen, Ahli Parlimen Selayang, YB Tuan Mohd Sany bin Hamzan,

ADN Taman Templer, Tuan YDP MPS bersama agensi kerajaan yang berkaitan.



Imbas kod qr ini untuk ke pautan akhbar MB Selangor tinjau insiden tanah runtuh di Pangsapuri Teratai



MESYUARAT JAWATANKUASA SIASATAN TEMPATAN DAN PENDENGARAN BAGI DRAF RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG 2030 (PENGGANTIAN)

PADA 20 dan 21 September 2021, MPS telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran (JKSTP) bagi Draf Rancangan Tempatan MPS 2030 (Penggantian) di Bilik Siantan. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YB Tuan Ng Sze Han, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengangkutan Awam bersama YB Puan Rodziah Binti Ismail, Exco Perumahan, Kesejahteraan Bandar dan Pembangunan

Usahawan dan YB Tuan Hee Loy Sian, Exco Pelancongan dan Alam Sekitar. Turut serta ialah wakil-wakil daripada jabatan Perancang Bandar Malaysia, Pejabat Tanah & Galian Negeri Selangor dan Pejabat Tanah & Daerah Gombak.

Sejumlah 103 perkara bantahan telah dibawa untuk pertimbangan JKSTP. Daripada jumlah tersebut, 82 borang bantahan atau cadangan yang disyorkan diterima,

20 borang bantahan ditolak dan 1 borang bantahan disyorkan untuk pertimbangan Jawatankuasa Perancang Negeri.

Seterusnya, kelulusan Draf Rancangan Tempatan MPS 2030 (Penggantian) ini dibentangkan untuk persetujuan mesyuarat penuh sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor untuk persetujuan dan pewartaan oleh Pihak Berkua Negeri.



KUNJUNGAN HORMAT SPRM NEGERI SELANGOR KE MPS

MPS telah menerima kunjungan hormat dari SPRM Selangor yang diketuai oleh YBhg. Dato' Haji Alias bin Salim, Pengarah SPRM Selangor bersama Tuan PKPs Abd Mutualib bin Abdul Samat selaku Pegawai Urusetia SPRM Selangor pada 12 November 2021.

Turut hadir sama pada perjumpaan ini adalah Tuan TYDP dan Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan MPS. Pihak SPRM Selangor telah berkesempatan mengadakan perbincangan bersama MPS sambil bertukar pandangan tentang isu-isu berkaitan integriti penjawat awam dan sebagainya.



LAWATAN KDEB KE MPS FOKUS ISU KUTIPAN SISA PEPEJAL DAN PENGINDAHAN KAWASAN PEMBUANGAN SAMPAH

MPS telah menerima kunjungan hormat dari KDEB Waste Management Sdn Bhd yang diketuai oleh Tuan Haji Ramli bin Mohd Tahir, Pengarah Urusan KDEB Waste Management Sdn Bhd bersama delegasi KDEB Waste Management Sdn Bhd pada 1 Disember 2021 di Bilik Anggerik, Menara MPS.

Lawatan ini telah memberi peluang kepada kedua-dua pihak untuk berbincang sambil bertukar pandangan tentang kutipan sisa pepejal dan isu-isu berkaitan di seluruh kawasan pentadbiran MPS.

Seterusnya, Tuan YDP bersama KDEB Waste Management telah meninjau tapak program pengindahan kawasan *hotspot* pembuangan sampah yang menggunakan tayar-tayar terbuang untuk dijadikan landskap kejur bagi menghalang aktiviti lambakan sampah di kawasan Taman Jasa Utama, Gombak dan Bandar Country Homes, Rawang.



LAWATAN TURUN PADANG YDP BERSAMA JABATAN DALAMAN MPS TINJAU ISU PENEMPATAN PENJAJA BANDAR TASIK PUTERI

TUAN YDP telah mengadakan lawatan turun padang bersama jabatan-jabatan dalaman MPS pada 21 September 2021 di sekitar kawasan Bandar Tasik Puteri, Rawang. Lawatan ini diadakan bagi tujuan penyusunan semula penjaja di kawasan tersebut agar lebih teratur serta mematuhi syarat lesen perniagaan.

Selain itu, lawatan ini juga adalah satu inisiatif pihak MPS untuk memberi penempatan kepada para penjaja di kawasan tersebut untuk terus menjalankan perniagaan dengan sah tanpa sebarang isu halangan dan kacau ganggu kawasan sekitar.



KUNJUNGAN HORMAT GUOCOLAND MALAYSIA BERHAD BINCANG PROJEK PEMBANGUNAN DI KAWASAN MPS

MPS telah menerima kunjungan hormat daripada pengurusan Guocoland Malaysia Berhad yang diketuai oleh Encik Lee Wee Kee, Pengarah Eksekutif bersama Encik Ong Chin Hong, Pengurus Besar dan Encik Eizaq Hassany Hamidun, Pengurus Kanan pada 3 Disember 2021.

Perjumpaan bersama Tuan YDP ini turut disertai Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Bangunan dan Jabatan Korporat.

Pihak Guocoland Malaysia Berhad telah mengadakan perbincangan bersama MPS sambil bertukar pandangan tentang projek pembangunan di kawasan pentadbiran MPS.



LAWATAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI SELANGOR (PWN) BERSAMA MBI DAN SSDU TAKLIMAT PELAN PERANCANGAN SMART SELANGOR DAN SMART STATE

MPS telah menerima lawatan YB Dato' Haji Haris bin Kasim, Pegawai Kewangan Negeri (PWN) Selangor bersama Encik Sofyan Affendi bin Aminudin, Ketua Pegawai Operasi, Menteri Besar Incorporated (MBI) dan juga Dr. Mohammad Fahmi Ngah, Pengarah Urusan Smart Selangor Delivery (SSDU) pada 1 Oktober 2022.

Perjumpaan bersama Tuan YDP ini turut disertai Tuan TYDP, YB Tuan Lau Weng San selaku Ahli Lembaga Pengarah SSDU dan pengarah jabatan. Pihak SSDU telah memberikan taklimat perancangan bagi merealisasikan *Smart Selangor* dan *Smart State* menjelang tahun 2025. Kerajaan Negeri Selangor mensasarkan inisiatif

bagi penstrukturkan digital, kerajaan pintar, ekonomi pintar dan komuniti pintar untuk manfaat kepada seluruh rakyat Selangor. Justeru itu, pelan perancangan *Smart State* akan dilaksanakan dengan kerjasama strategik bersama PBT Selangor ini meliputi pentadbiran dan ekonomi di setiap daerah di negeri Selangor.



KUNJUNGAN HORMAT RAPID BUS SDN BHD ISU PENGANGKUTAN AWAM MPS JADI FOKUS UTAMA

MPS telah menerima kunjungan hormat daripada wakil pengurusan Rapid Bus Sdn. Bhd. yang berlangsung pada 17 Disember 2021 bertempat di Bilik Anggerik, Menara MPS. Kunjungan pihak Rapid Bus ini telah diketuai oleh Encik Muhammad Yazurin Sallij selaku Ketua Pegawai Operasi. Antara yang hadir bersama adalah Puan TPr. Noriza binti Bahari, Pengarah Jabatan Perancang Bandar MPS dan Encik Mohamad Zin bin Masoad, Pengarah Jabatan Korporat MPS. Kunjungan ini diadakan adalah untuk menjalinkan hubungan baik antara pihak Rapid Bus dengan MPS serta membincangkan tentang isu-isu pengangkutan awam di kawasan pentadbiran MPS.



LAWATAN MPS KE MAJLIS BANDARAYA IPOH JALIN HUBUNGAN BAIK ANTARA PBT

TUAN YDP bersama Tuan TYDP telah mengadakan kunjungan hormat ke Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) pada 8 Disember 2021. Kunjungan ini merupakan salah satu daripada pengisian Bengkel Penyelarasian Wang Cagaran MPS yang diadakan di Ipoh, Perak. Kunjungan MPS telah disambut oleh YBhg. Datuk Rumaizi Baharin@ Md Daud, Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Ipoh dan Tuan Ahmad Munir bin Ishak, Setiausaha, Majlis Bandaraya Ipoh. Antara intipati kunjungan hormat berkenaan adalah untuk merapatkan hubungan di antara MPS dan MBI selain bertukar pandangan tentang amalan terbaik antara kedua-dua PBT.



PROGRAM WALKABOUT YB NG SZE HAN PENJAJA SELAYANG MUTIARA DAN SELAYANG INDAH TERIMA LESEN SEMENTARA

MPS telah mengadakan Program *Walkabout* dan penyerahan lesen perniagaan sementara di Kawasan Selayang Mutiara dan Selayang Indah pada 21 September 2021.

Sesi penyerahan lesen sementara telah disempurnakan oleh YB Tuan Ng Sze Han, EXCO Kerajaan Tempatan & Pengangkutan Awam Negeri Selangor Bersama YB Tuan Sany bin Hamzan, Ahli Dewan Negeri Taman Templer. Sebanyak 17 permit sementara telah diserahkan kepada penjaja-penjaja di kawasan tersebut.



PERTANDINGAN TANDAS BERSIH MPS 2021 RESTORAN KARI KEPALA IKAN SG RAIH TEMPAT PERTAMA, MENANG RM1,000

BAGI mewujudkan amalan kebersihan dan imej tandas yang lebih beridentiti, MPS telah menganjurkan pertandingan Tandas Bersih Kategori Premis Makanan (Restoran) 2021. Menerusi pertandingan ini, Restoran Kari Kepala Ikan SG Taman Sri Gombak telah mendapat tempat pertama dengan meraih hadiah wang tunai berjumlah RM1,000. Tempat kedua dimenangi oleh Restoran Veggie Century 12, Taman Selayang Jaya (RM700) manakala pemenang tempat ketiga adalah GH Corner Bandar Country Homes (RM500). Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Tuan YDP MPS pada 30 November 2022 bertempat di Lobi Bangunan Lama MPS.



KEMPEN KEBERSIHAN PERSEKITARAN BASMI AEDES ANMS 2021 TAMAN GOMBAK JADI LOKASI KEMPEN GOTONG-ROYONG

JKP Zon 3 MPS serta KRT Taman Gombak dan Surau Al-Rasyidin telah mengadakan Kempen Basmi Denggi di Taman Gombak pada 25 dan 26 September 2021 bersempena Kempen Kebersihan Persekutuan Basmi Aedes Di Kawasan Wabak (*Hotspot*) Denggi di PBT yang dianjurkan di bawah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) tahun 2021. MPS merupakan salah satu daripada 5 PBT di Malaysia yang telah dipilih oleh KPKT untuk menjayakan kempen ini dan Taman Gombak di Zon 3 MPS terpilih sebagai lokasi kempen pada tahun ini. Bagi membantu aktiviti gotong-royong kendiri di rumah masing-masing, pihak MPS telah mengedarkan Kit Pencegahan Denggi dan menyediakan tong roro di sekitar lokasi gotong-royong.



PROGRAM ADVOKASI KESEDARAN PENDERAAN DAN GANGGUAN SEKSUAL KANAK-KANAK MPS

PROGRAM anjuran MPS bersama Pertubuhan Pemerkasaan Keluarga (FAME) ini telah diadakan secara dalam talian dan dirasmikan oleh Tuan YDP MPS. Turut bersama dalam program ini adalah YB Senator Puan Fadhlina Siddiq, Ahli Dewan Negara merangkap Timbalan Presiden NGO FAME, Ahli Majlis dan pengarah jabatan MPS. Program yang diadakan melalui 6 siri bermula 4 sehingga 18 Disember 2021 dengan melibatkan seramai 40 orang peserta kanak-kanak perempuan berumur 11 hingga 12 tahun daripada 24 zon JKP MPS. Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada kanak-kanak berkaitan menangani isu-isu gangguan dan penderaan seksual serta pengabaian terhadap mereka.



PROGRAM LESTARI TAPAK HOTSPOT SAMPAH LONGGOK

TUAN YDP MPS telah melancarkan Program Lestari Tapak Hotspot Sampah Longgok Pada 29 September 2021 bertempat di Tapak Sampah Longgok, Persimpangan Jalan Daya Utama, Jalan Daya 6, Taman Daya, Kepong. Pada program ini, pihak JPSPK bersama Jabatan Landskap telah mengadakan aktiviti menanam pokok bagi memperindah lagi kawasan tersebut. Antara jemputan yang hadir terdiri daripada Puan Tam Kar Lye, Ahli Majlis Zon 13, Encik Mohamad Zin bin Masoad, Pengarah Jabatan Korporat MPS dan Tuan LAR Mohktar Affandi bin Abdul Ghani, Pengarah Jabatan Landskap MPS.



PROGRAM GOTONG-ROYONG TAMAN EKSTREM GUA DAMAI BERSAMA PENGURUSAN MPS

PROGRAM Gotong-Royong MPS bersama pihak komuniti telah diadakan di Taman Ekstrem Gua Damai, Wira Damai, Batu Caves pada 18 Disember 2021. Program ini telah disertai oleh Tuan YDP MPS, Tuan TYDP MPS, Ahli Majlis MPS Zon 6, pengarah dan timbalan pengarah bersama-sama JKP Zon 6, MPKK Wira Damai, PKTGP, Pusat Khidmat Rakyat DUN Sungai Tua dan Jawatankuasa Masjid Annur Wira Damai. Turut menjayakan program ini adalah wakil daripada KSDK MPS, MBJ dan ANULAE MPS. Program ini diadakan sebagai salah satu langkah untuk mengeratkan hubungan di antara MPS dan wakil-wakil komuniti di samping menceriakan kawasan persekitaran Taman Ekstrem Gua Damai ini yang merupakan antara lokasi pelancongan bertaraf antarabangsa yang terdapat di kawasan Perbandaran Selayang.



MPS SERAH SUMBANGAN ASET PERABOT KEPADA SEKOLAH

MAJLIS penyerahan sumbangan aset perabot oleh pihak MPS kepada Sekolah Kebangsaan Bandar Sri Damansara (3) telah diadakan pada 20 Oktober 2021. Sumbangan ini telah disampaikan oleh Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS kepada Puan Noor Sofiah Binti Mohamed Ismail, Guru Besar SK Bandar Sri Damansara (3). Semoga sumbangan aset perabot ini dapat memberikan lebih keselesaan kepada pihak pengurusan sekolah untuk memulakan kembali sesi persekolahan yang bakal tiba.



PROGRAM DERMA DARAH ANULAE CAWANGAN MPS **87 PENDERMA BANTU PUSAT DARAH NEGARA**

ANULAE Cawangan MPS dengan kerjasama Pusat Darah Negara telah mengadakan Program Derma Darah bagi membantu pembekalan darah di Pusat Darah Negara. Program yang berlangsung di Lobi Bangunan Lama MPS pada 8 September 2021 ini telah disertai oleh 87 orang kakitangan dengan pematuhan SOP yang telah ditetapkan. Semoga usaha murni ini akan dapat membantu Pusat Darah Negara memastikan bekalan tabung darah berada di tahap yang selamat.



PROGRAM CERIA KEMBALI KE SEKOLAH MPS 2021 **259 PELAJAR TERIMA SUMBANGAN BAUCAR**

MPS telah mengadakan Majlis Penyampaian Sumbangan Baucar Persekolahan kepada 259 orang pelajar bersemepena Program Ceria Kembali Ke Sekolah Peringkat MPS 2021. Majlis telah diadakan pada 17 November 2021 bertempat di Dewan Keraian, Menara MPS dan disiarkan secara langsung menerusi laman Facebook MPS. Majlis telah disempurnakan oleh Encik Mohamad Zin bin Masoad, Pengarah Jabatan Korporat mewakili Tuan YDP MPS. Seramai 7 orang wakil sekolah sekitar MPS telah hadir menerima sumbangan mewakili pelajar-pelajar yang terpilih. Hadir sama adalah Encik Sulaiman Bukhari Haji Amir selaku wakil daripada Pejabat Pendidikan Daerah Gombak yang turut menerima cenderahati penghargaan atas penglibatan menjayakan Program Ceria Kembali Ke Sekolah MPS 2021 ini.



PROGRAM MASIH ADA YANG SAYANG, **MPS SANTUNI WARGA EMAS, OKU DAN ANAK YATIM**

10 buah pusat jagaan dan rumah anak yatim, warga emas dan OKU di 9 DUN di bawah pentadbiran MPS telah menerima sumbangan wang tunai berjumlah RM1,500 dan barang keperluan menerusi Program Masih Ada Yang Sayang anjuran MPS. Sesi konvoi program melibatkan 7 buah kenderaan jabatan telah diketuai oleh Tuan YDP MPS bersama Tuan TYDP MPS diiringi oleh Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat. Acara pelepasan telah disempurnakan oleh Tuan Haji Azhar bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS. Sumbangan telah disampaikan kepada Encik Henry Sandanam, Pengasas dan Pengurus Pertubuhan Perkhidmatan Sosial dan Pembangunan Komuniti Daerah Gombak. Pada masa yang sama, penyerahan sumbangan kepada 9 buah pusat jagaan yang lain telah disempurnakan oleh Ahli Majlis kawasan bersama kakitangan MPS.



PERHIMPUNAN PENJAWAT AWAM SELANGOR PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI ADAKAN MAJLIS PERHIMPUNAN SECARA HIBRID

MAJLIS Perhimpunan Penjawat Awam Negeri Selangor bersama YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor yang dihoskan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah diadakan pada 8 November 2021 secara hibrid. Majlis ini telah diikuti secara langsung menerusi dalam talian oleh barisan pengurusan tertinggi dan kakitangan MPS.



McDONALD'S SUMBANG PEK MAKANAN SEMPENA PROGRAM KOMUNITI

MPS telah menerima sumbangan 30 paket makanan bersemesta Program Komuniti McDonald's dan *Ronald McDonald's House Charities* Malaysia pada 29 November 2021. Sumbangan telah disampaikan oleh Cik Amirah Najihah Binti Zainol Abidin, Pengurus Restoran McDonald's Cawangan Batu Caves kepada Encik Ahmad Fauzi bin Ishak, Timbalan Pengarah Jabatan Korporat MPS.



PERHIMPUNAN BULANAN PENEMPATAN BAHRU PEGAWAI KUMPULAN A BAGI MENYUMBANG KE ARAH PENINGKATAN PRODUKTIVITI JABATAN

MPS telah mengadakan Majlis Perhimpunan Bulan November secara hibrid pada 19 November 2021 bertempat di Dewan Keraian. Pada program ini, Tuan YDP telah menyerahkan surat pertukaran kepada 12 orang Pegawai Kumpulan A di MPS.

Pertukaran ini bagi meningkatkan produktiviti kemahiran pekerja yang mempunyai pengetahuan, kemahiran, pengalaman, kecekapan, nilai positif dan kepakaran agar kualiti perkhidmatan yang diberikan adalah pada tahap yang cemerlang.

Tuan YDP juga telah menyempurnakan penyampaian Anugerah Bandar Mampan, penyampaian hadiah Program Gaya Hidup Sihat 2021 dan penyampaian hadiah Pertandingan 'Voice Of Nasheedan' MPS.



SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA TAHUN 2021 **MPS TERIMA PENGHARGAAN BANDAR MAMPAK 2021**

MPS telah meraih kejayaan apabila memenangi tempat ketiga Kategori Perbandaran bagi Penghargaan Bandar Mampan 2021.

Pengumuman ini telah disampaikan oleh YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sempena sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia tahun 2021 yang telah diadakan pada pada 9 November 2021 menerusi siaran langsung Facebook.



HARI BERTEMU PELANGGAN MPS **PERJUMPAAN BERSAMA ORANG AWAM SECARA MAYA**

MPS telah mengadakan Hari Bertemu Pelanggan secara maya menerusi aplikasi ZOOM pada 12 November 2021.

Pada program ini orang ramai telah berkesempatan untuk mengemukakan cadangan, aduan dan pertanyaan mereka mengenai perkhidmatan MPS secara terus kepada pihak pengurusan.




PROGRAM TAKLIMAT SESI MUDAH CARA PERMOHONAN PEMUTIHAN TAHFIZ **54 PUSAT TAHFIZ DI MPS SERTAI SESI TAKLIMAT PROGRAM PEMUTIHAN**

MPS telah mengadakan Program Taklimat Sesi Mudah Cara Permohonan Pemutihan Tafiz bersama 100 orang peserta mewakili 54 pusat tafiz di seluruh pentadbiran MPS pada 25 November 2021 secara dalam talian.

Perasmian program telah disempurnakan oleh TYDP MPS, Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman. Turut hadir adalah wakil-wakil jabatan dalaman MPS, Ahli Majlis, wakil-wakil daripada PTD Gombak, PLANMalaysia, *Malaysia Institute of Planners*, JAIS, PAID Gombak, Persatuan Institusi Tafiz Negeri Selangor dan JPB M Rawang.

Pada program ini, Pengarah Jabatan Perancang Bandar, Puan TPr. Noriza binti Bahari telah menyampaikan taklimat tentang tatacara permohonan untuk proses pemutihan dari segi kebenaran merancang selain mengadakan sesi soal jawab bersama pemilik tafiz dan jabatan serta agensi yang berkaitan.



LAFAZ AKUAN TERIMA JAWATAN **LANTIKAN TUAN SAHARUDDIN SEBAGAI AHLI MAJLIS ZON 19 MPS**

TUAN Saharuddin Bin Abu Bakar telah menerima pelantikan sebagai Ahli Majlis MPS yang baharu oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi penggal 2021-2022.

Majlis Lafaz Akuan Terima Jawatan beliau telah berlangsung pada dengan disaksikan oleh Tuan YDP pada 30 November 2021 bertempat di Bilik Siantan, Bangunan Lama MPS.





PEMERKASAAN BUDAYA INOVASI & INTEGRITI PASCA PANDEMIK

HARI INOVASI DAN INTEGRITI MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG | 2021

MPS terus menyemarakkan budaya inovasi dan pengamalan nilai integriti dalam kalangan warga kerjanya menerusi penganjuran Majlis Sambutan Hari Inovasi dan Integriti MPS 2021 yang diadakan pada 13 dan 14 Disember 2021.

Majlis sambutan telah diadakan bersama-sama Perhimpunan Bulan Disember 2021 secara hibrid iaitu dengan kehadiran fizikal yang terhad di Bilik Keraian, Menara MPS serta turut disiarkan secara dalam talian menerusi aplikasi ZOOM dan laman Facebook Rasmi MPS. Pada Program ini Tuan TYDP telah merasmikan hari inovasi

dan integriti 2021. Turut hadir bersama adalah YBhg. Dato' Haji Adnan bin Mat, Presiden CEUPACS merangkap Presiden ANULAE Semenanjung Malaysia dan para pengarah. Ahli Majlis turut mengikuti majlis ini secara dalam talian bersama-sama warga kerja MPS.

Beberapa acara telah diadakan pada majlis ini, antaranya bacaan ikrar Perkhidmatan Awam, penyampaian Anugerah Reward YDP MPS 2020 dan pengiktirafan pencapaian sepanjang tahun 2021 yang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Adnan bin Mat.

Bagi merangsang pemikiran yang kreatif dan menerapkan nilai integriti yang ampuh, sambutan Hari Inovasi dan Integriti MPS 2021 ini turut disusuli dengan pelbagai pengisian, antaranya Sesi Penjawat Awam bersama Presiden CEUPACS, Ceramah Pencegahan Jenayah Jalanan oleh Encik Shamir A/l Rajadurai, Pakar Pencegahan Jenayah daripada *International CPTED Association Malaysia* dan Ceramah Motivasi dan Integriti bersama YBhg. Dato' Abdul Rashid bin Rahman, Bekas Pesuruhjaya Polis Negeri Sabah.





MPS BERSEDIA UNTUK PENSIJILAN SEMULA PROGRAM GOTONG-ROYONG PERDANA EKSA 2021

TUAN YDP telah menyempurnakan perasmian Program Gotong-Royong Perdana EKSA MPS yang diadakan sempena Sambutan Hari Inovasi dan Integriti 2021. Majlis perasmian yang diadakan di Laman MPS pada 13 Disember 2021 disertai oleh pengarah-pengarah jabatan dan juga wakil-wakil dari 11 Zon EKSA MPS.

Tuan YDP juga telah menyampaikan hadiah bagi pertandingan-pertandingan

sempena Program EKSA 2021 antaranya, Pertandingan TikTok EKSA MPS dimenangi oleh Puan Zanariah binti Mohd Zain (Zon Zamrud), Pertandingan Bilik Fail Zon Terbaik dimenangi oleh Zon Berlian, Pantri Zon Terbaik dimenangi oleh Zon Zamrud, Bilik Mesyuarat Zon Terbaik dimenangi oleh Zon Jed dan Sudut Go Green Zon Terbaik dimenangi oleh Zon Nilam.

Di samping aktiviti gotong-royong yang

dijalankan oleh seluruh kakitangan, Tuan YDP telah menanam pokok dengan menggunakan mesin Auger All In-One dan juga membuat tinjauan di sekitar Ibu Pejabat MPS. Selain itu, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan MPS turut mengambil peluang membuka Kaunter Jualan Barang Kitar Semula di perkarangan MPS.





25 TAHUN
Persekutuan Negeri Perak



مجلس بلدية سelayang
Majlis Perbandaran Selayang



SUDUT MAYA EKSA MPS

Sudut Induk dan Zon EKSA MPS kini boleh dicapai secara dalam talian di <https://sites.google.com/view/eksamps>



Imbas kod QR di atas untuk capaian ke Sudut Induk dan Sudut Zon Maya EKSA MPS

EKSA 2022



OPERASI

OPERASI PEMANTAUAN SOP **MPS DAN PDRM PANTAU OPERASI PENGUATKUASAAN**

MPS bersama-sama PDRM telah menjalankan operasi pemantauan penguatkuasaan dan operasi pematuhan SOP pada 1 September 2021 di beberapa buah kilang, premis jualan, restoran dan penjaja di sekitar sekitar Kundang, Rawang, Gombak, Kepong dan Selayang.

Pada operasi ini, sebuah kedai runcit telah dikenakan kompaun RM1,000 di bawah Notis Pemberitahuan Kesalahan UUK 3 kerana tidak mempunyai lesen perniagaan yang sah, manakala sebuah restoran di Taman Sri Gombak didenda RM250 di bawah Akta 133 kerana meletak halangan di kaki lima hingga menimbulkan kacau ganggu.

Selain itu, hasil pemantauaan di kawasan Pekan Rawang dan Kepong, 2 penjaja telah diarahkan untuk menutup dan beredar dari lokasi tersebut serta-merta kerana menjalankan perniagaan tanpa permit di atas petak parkir hingga menimbulkan kacau ganggu.



OPERASI SITAAN **MPS SITA 10 PENJAJA HARAM**

MPS telah melakukan tindakan sitaan terhadap 10 orang penjaja haram yang menjalankan perniagaan di petak parkir di sekitar Selayang Jaya pada 10 September 2021. Tindakan ini dilakukan berikutan aduan yang diterima oleh orang ramai berkenaan kesesakan lalu lintas dan kesulitan meletakkan kereta di petak parkir di kawasan komersil tersebut.

Ketika pemeriksaan dijalankan, hanya 3 orang penjaja sahaja yang mempunyai permit manakala kebanyakannya tidak mempunyai permit yang sah dengan MPS. Sitaan ke atas barang perniagaan 10 orang penjaja haram ini dibuat mengikut Undang-Undang 3 Penjaja (MPS) 2007 ini telah dijalankan oleh 75 orang anggota penguatkuasaan MPS.



OPERASI PEMANTAUAN SOP **MPS SITA KAFE LANGGAR SOP FASA PPN 2 SERTA SYARAT LESEN**



BERDASARKAN aduan orang awam, MPS telah membuat serbuan dan sitaan ke atas sebuah kafe di Desa Aman Puri, Kepong, pada 10 September 2021 kerana didapati melanggar syarat lesen dan syarat SOP PPN Fasa 2 dengan disyaki mengadakan hiburan di tempat berkenaan.

Operasi besar-besaran ini diketuai oleh Encik Ahmad Faisal bin Badiuzaman, Pengarah Jabatan Penguatkuasaan MPS bersama 75 orang anggota serta melibatkan anggota Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) serta 3 orang pegawai Jabatan pelesenan MPS. Tindakan sitaan telah diambil dengan merampas kerusi, meja, peti ais, pembesar suara, televisyen dan arak di bawah Undang-Undang Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPS) 2007 dan Undang- Undang Kecil Establisment Makanan (MPS) 2007. Semasa serbuan dijalankan, seramai 7 orang wanita warga asing telah ditahan oleh pihak JIM untuk tindakan selanjutnya.

OPERASI PEMATUHAN SOP PPN FASA 3 **MPS BERSAMA PDRM PANTAU PREMIS PERNIAGAAN**

OPERASI Pematuhan SOP PPN Fasa 3 oleh MPS bersama PDRM pada 11 Oktober 2021 melibatkan beberapa premis di kawasan Gombak, Selayang dan Rawang.

Hasil pemeriksaan, kesemua premis tersebut didapati mempunyai lesen perniagaan yang sah serta surat kebenaran oleh MITI. Pemeriksaan aplikasi MySejahtera juga telah dibuat kepada setiap pekerja dan didapati tiada pelanggaran SOP. Pihak MPS akan terus bekerjasama dengan PDRM untuk memastikan SOP PPN sentiasa dipatuhi. Semua pemilik premis dinasihatkan agar mematuhi SOP yang telah ditetapkan sepanjang masa bagi mengekang penularan wabak Covid-19.



OPERASI BERSEPADU

SEBUAH PREMIS DIKENAKAN KOMPAUN RM1,000 MEMBUANG KOTAK-KOTAK GABUS MENGISI IKAN DI LORONG BELAKANG

MPS telah melaksanakan operasi penguatkuasaan bersama PDRM pada 15 Oktober 2021 untuk memantau pematuhan SOP di sekitar kawasan Selayang. Operasi pertama melibatkan tindakan penguatkuasaan berdasarkan kepada siasatan aduan awam terhadap sebuah premis di kawasan Prima Selayang. Premis ini telah dikenakan kompaun RM1,000 atas kesalahan membuang kotak-kotak gabus mengisi ikan di lorong belakang premis berkenaan. Selain itu, operasi pemantauan turut diadakan di sebuah kedai elektrik dan sebuah kedai pemberong makanan laut di kawasan tersebut. Hasil pemeriksaan, kedua-dua premis tersebut didapati mempunyai lesen perniagaan yang sah serta surat kebenaran oleh MITI. Pemeriksaan aplikasi MySejahtera juga telah dibuat kepada setiap pekerja dan didapati tiada pelanggaran SOP.



CCTV RAKAM INDIVIDU CURI TONG SAMPAH MILIK MPS



MPS amat kesal apabila hasil pemantauan CCTV yang dipasang, seorang individu telah didapati mencuri tong sampah milik MPS yang diletakkan untuk kegunaan orang awam. Kejadian dikesan berlaku pada jam 7 malam di Taman Desa Jaya, Kepong pada 1 November 2021. Susulan kejadian ini, MPS telah membuat laporan polis dan menyerahkan rakaman CCTV tersebut untuk tindakan seterusnya. Untuk makluman, bagi tahun 2021 MPS telah membelanjakan sebanyak RM130,000 untuk menggantikan tong-tong sampah awam yang telah rosak akibat vandalisme dan juga hilang akibat dicuri oleh pihak tidak bertanggungjawab. MPS akan terus melakukan pemantauan terhadap aktiviti kecurian dan vandalisme dan tindakan akan diambil kepada individu yang didapati melakukan perbuatan tersebut. MPS juga ingin menyeru orang ramai agar menjadi mata dan telinga MPS dan membuat laporan jika melihat pelakuan tidak bertanggungjawab ke atas kemudahan awam milik MPS.



Hubungi untuk aduan atau pertanyaan mengenai :

- | | |
|--------------------|--------------------|
| ► Sampah | ► Penguatkuasaan |
| ► Cukai Taksiran | ► Landskap / Pokok |
| ► Alam Sekitar | ► Haiwan |
| ► Kemudahan Awam | ► Bencana Alam |
| ► Permohonan Lesen | ► Jalan |
| ► Penyelenggaraan | ► Lain-lain |

**Bahagian Pengaduan Awam
Jabatan Korporat**

Majlis Perbandaran Selayang Menara MPS,
Persiaran 3, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 603-6126 5800 Fax: 603-6138 8933 E-Mel: aduanmps@mps.gov.my

**TALIAN
ADUAN
BEBAS TOL
MPS**
1800-222-677



PASCA BANJIR

MPS SERTAI BANTUAN BANJIR LEMBAH KLANG

PADA 18 Disember 2021, Negeri Selangor telah dikejutkan dengan bencana banjir besar sehingga menjelaskan beberapa kawasan di sekitar negeri Selangor. Banjir besar kali ini tidak dijangka apabila ia melanda Lembah Klang, khususnya Selangor yang padat

dengan penduduk, sehingga rakyat dari serata pelosok negara berusaha menabur bakti menghulurkan bantuan.

MPS juga turut mengambil peluang untuk bersama-sama menyumbang dan menyalur

bantuan kepada PBT yang terlibat dalam kerja-kerja pembersihan pasca banjir dan agihan bantuan keperluan di kawasan-kawasan yang terkesan dengan musibah luar jangka ini.





BANJIR SELANGOR **SUMBANGAN DAN BANTUAN KERJA-KERJA PEMBERSIHAN PASCA BANJIR**

19 DISEMBER 2021

- Sukarelawan MPS membantu MBSA dan YB Rodziah Ismail, EXCO Perumahan, Kesejahteraan Bandar dan Pembangunan Usahawan Negeri Selangor mengedarkan keperluan asas dan makanan kepada mangsa banjir di Shah Alam.

22 DISEMBER 2021

- 40 orang sukarelawan MPS
- 13 unit jentera (2 lori roro, 1 trak tunda, 3 kendaraan pacuan 4 roda, 1 bas, 2 van)
- Aktiviti : kerja-kerja pembersihan banjir di kawasan sekitar Seksyen 19 Shah Alam.

22 DISEMBER 2021

- Sukarelawan MPS, Sukarelawan JKP Zon 6 MPS, JK Tetap Wanita Zon 6, PeBS Induk, DUN Sungai Tua, DUN Gombak Setia, pelajar UIA Gombak.
- Aktiviti : Melaksanakan kerja pembersihan di kawasan rumah panjang di Kampung Bukit Lanchong dan kelas pra sekolah di SK Labuhan Dagang, Kuala Langat. Turut diedarkan sumbangan makanan kepada keluarga yang terkesan.

22 DISEMBER 2021

- 45 sukarelawan MPS
- 9 jentera pelbagai (1 water jetter, 1 jengkaut, 3 kendaraan pacuan 4 roda)
- Aktiviti : Membantu pihak MBSJ melaksanakan kerja pembersihan di kawasan Kampung Lanchong, Subang Jaya.

24 DISEMBER 2021

- Agihan makanan dan minuman oleh JK Tetap Wanita JKP Zon 6 MPS kepada petugas barisan hadapan bencana dan para sukarelawan di PPS Sungai Chincin, PPS Batu 11 Gombak, kawasan tanah Runtuh Flat Teratai dan Balai Bomba Selayang.

29 DISEMBER 2021

- Sukarelawan MPS, Sukarelawan JKP Zon 6 MPS, JK Tetap Wanita Zon 6, PeBS Induk, DUN Sungai Tua, DUN Gombak Setia, pelajar UIA Gombak.
- Aktiviti : Melaksanakan kerja pembersihan di kawasan rumah panjang di Kampung Bukit Lanchong dan kelas pra sekolah di SK Labuhan Dagang, Kuala Langat. Turut diedarkan sumbangan makanan kepada keluarga yang terkesan.



PEMERIKSAAN MENYELURUH STADIUM MPS BAGI MENDAPATKAN PELESENAN KELAB BOLA SEPAK

TUAN TYDP MPS telah mempengerusikan Mesyuarat Pemeriksaan Menyeluruh Bangunan Stadium dan Pemeriksaan Menghapus Bahaya Kebakaran di Stadium MPS pada 28 September yang lalu.

Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan pemeriksaan menyeluruh stadium MPS bagi mendapatkan peresenan Kelab Bola Sepak. Turut serta ialah Dr. Johan Kamal Hamidon, Ketua Pegawai Eksekutif SFC Red Giants

FC Sdn Bhd, Tuan Norazan bin Khamis, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat, Negeri Selangor, wakil Jabatan Kerja Raya (JKR) dan jabatan dalaman MPS.



MPS JADI BAPA ANGKAT PASUKAN CATUR & e-SPORTS MAKSAK NEGERI SELANGOR

SEMPENA Kejohanan *Indoor Games* MAKSAK Malaysia 2021 di Putrajaya pada 21 hingga 28 November 2021, MPS telah dilantik sebagai Bapa Angkat bagi Pasukan Catur & e-Sports MAKSAK Negeri Selangor.

Mesyuarat dan sesi taklimat Bersama Pengurus Pasukan telah dihadiri oleh Encik Hasmawi bin Mat Junit, Pengurus Catur MPS dan Encik Mohd Noor Has bin Mohd Noor, Pengurus e-Sports MPS.



KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MPS TURUT SERTA KAYUHAN SANTAI PENANG ISLAND LOOP 2021

PERSATUAN Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) dengan kerjasama Majlis Bandaraya Pulau Pinang telah menganjurkan kayuhan santai *Penang Island Loop 2021* dengan cabaran jarak sejauh 82km pada 12 Disember 2021.

YBhg. Dato' Ar. Yew Tung Seang, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan YBhg. Dato' Sr. Haji Rozali Bin Haji Mohamud, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai bersama seramai 165 peserta telah mengambil bahagian dalam acara ini. Kelab Sukan dan Kebajikan MPS telah turut serta memeriahkan acara ini dengan menghantar 4 orang peserta. Syabas dan tahniah diucapkan.

